

## Peperiksaan Akhir Tahun Hanya Dua Hari

Oleh: Noor Syafiza Mohd Rosdi

BUTTERWORTH: Peperiksaan akhir tahun di SMK Dato' Onn yang hanya berlangsung selama dua hari terpaksa ditangguhkan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang telah diumumkan oleh pihak kementerian pada 8 November 2020.

“Di sekolah hari itu pun kita sempat hanya sekadar membuat ulang kaji sahaja. Sebenarnya ketika itu, hanya baru hari kedua untuk peperiksaan akhir tahun. Disebabkan terkejutnya arahan daripada pihak kementerian bahawa kita di Malaysia ini akan diadakan PKPB maka peperiksaan berhenti setakat hari kedua sahaja,” kata guru Pendidikan Islam di SMK Dato' Onn, Nur Munirah Mohd Fadzil.

Beliau berkata, pelajar pula akan menyambung pelajaran menerusi kaedah Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PDPR).



*Dewan peperiksaan yang diduduki oleh pelajar SMK Dato' Onn.*

Katanya, kebanyakan silibus matapelajaran yang diajarkan kepada murid-murid mengikut kelas masing-masing sudah selesai dan pelajar hanya perlu mengulangkaji pelajaran serta membuat latihan yang diberikan melalui kelas dalam talian yang dilaksanakan oleh guru mereka.

“Semua latihan yang diberikan mengikut format dokumen peperiksaan dan mengikut huraian sukatan pelajaran serta rancangan tahunan yang ditetapkan sebelum ini,” katanya.

Munirah memberitahu bahawa dia menggunakan dua platform iaitu ‘google classroom’ dan ‘whatsapp’ yang diciptakan oleh guru tingkatan serta guru matapelajaran masing-masing bagi melaksanakan kelas secara dalam talian pada musim PKP.

“Pada saya, saya menetapkan dalam seminggu sekali ‘google classroom’ bersama pelajar-pelajar ini bersemuka di alam maya dan satu lagi latihan untuk setiap tingkatan itu saya berikan melalui aplikasi ‘whatsapp’”, katanya lagi.



*Kelihatan para pelajar sedang menjawab soalan peperiksaan.*



*Seorang pelajar sedang berfikir sambil menjawab soalan.*

Nurina Afrina Azizan, 16, yang juga seorang pengawas sekolah di SMK Dato' Onn berkata mereka perlu membuat latihan dan menghantar mengikut tarikh dan masa yang telah ditetapkan dengan latihan akan dihantar melalui whatsapp serta telegram.

“Tapi agak terhad nak buat latihan sampai jam 4 petang sebab cikgu nak ambil kehadiran dan hantar kat sekolah,” katanya.

Nurina juga menekankan bahawa sifat disiplin itu perlu disemaikan di dalam diri setiap pelajar terutamanya sepanjang kelas secara dalam talian berlangsung.

Sementara itu, rakannya Megat Nabil Megat Nawawi, 16, juga berpendapat bahawa cara guru memberi latihan secara dalam talian adalah bukan cara yang terbaik.

“Hal ini kerana terdapat pelajar yang menipu diri sendiri dan membuat kerja dengan Pdak bersungguh-sungguh. Cara yang terbaik adalah apabila guru tersebut memberikan latihan, pelajar perlu menghantar bukti latihan yang dibuat di dalam buku secara persendirian kepada guru mereka,” katanya.

Megat juga memberi cadangan yang lebih berkesan apabila belajar secara dalam talian adalah melalui ‘google meet’ yang mana pelajar diminta untuk membuka kamera.

Setiap penyampaian juga akan menjadi lebih berkesan yang mana guru dapat mengajar secara bersemuka dengan setiap pelajar walaupun secara dalam talian. Hal ini secara tidak langsung dapat menjadikan mereka lebih berdisiplin serta tidak berani melakukan perkara lain selain menumpukan sepenuh perhatian kepada pengajaran guru mereka.